

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN (KALABAKAN)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan dan perancangan terkini daripada Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia dalam usaha membendung kemasukan pendatang tanpa izin dari negara negara jiran berdekatan seperti Filipina dan Indonesia ke Pantai Timur Sabah yang dilaporkan menjadi salah satu penyebab punca penyebaran gelombang ketiga wabak penyakit COVID-19 di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

KDN melalui ESSCOM bersama-sama dengan ATM telah melaksanakan tindakan-tindakan berikut bagi menangani dan membendung kemasukan PATI dari Indonesia dan Filipina:

- i. Melaksanakan Op Benteng bagi mengekang kemasukan PATI dan jenayah rentas sempadan;
- ii. Melaksanakan tiga (3) Op Cegah PATI (OCP) iaitu OCP Utara, OCP Timur dan OCP Selatan yang merangkumi hampir keseluruhan pesisir pantai timur Sabah yang melibatkan aset laut dari pelbagai agensi yang terlibat di bawah ESSCOM;
- iii. Menambah kekuatan anggota sebanyak dua (2) platun dan 18 buah bot daripada ATM bagi memantapkan lagi kawalan keselamatan di *Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE)*; dan
- iv. Mempertingkatkan kesiap-siagaan dan menambahbaik kesiap-siagaan anggota dan aset di pos-pos kawalan hadapan khususnya di kawasan 72 laluan tikus yang sering digunakan oleh PATI di sepanjang sempada ESSZONE;